

Bermaksud: Bapa mereka menjawab: "Permergian kamu membawanya bersama sangatlah mendukacitakan daku, dan aku pula bimbang ia akan dimakan oleh serigala, ketika kamu lalai dari mengawalinya." (Yusuf:13).

Sedangkan bagi seorang nabi, Baginda tidak sepatutnya mengeluarkan alasan sedemikian yang seolah-olah menunjukkan Baginda tidak bertawakkal kepada Allah. Akibatnya Nabi Ya'qub a.s. telah dihukum dengan dipisahkan daripada anak kesayangannya untuk satu jangka masa yang agak lama.

(ii) Jawapan Nabi Musa a.s. terhadap pertanyaan pengikutnya dengan mengaku bahawa Bagindalah orang yang paling alim, sebagaimana tersebut di dalam hadits Nabi s.a.w. berikut:

قَامَ مُوسَى النَّبِيُّ خَطِيبًا فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ فُسِّلَ أَيُّ النَّاسِ أَعْلَمُ فَقَالَ أَنَا أَعْلَمُ فَعَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِ إِذْ لَمْ يَرُدَّ الْعِلْمَ إِلَيْهِ

Bermaksud: "(Pernah pada suatu hari) Nabi Musa a.s. berucap di hadapan (kaumnya) Bani Israil. Lalu Baginda a.s. ditanya: "Siapakah manusia yang paling alim di dunia ini?" Baginda lantas menjawab, Akulah yang paling alim. Lalu Allah mencelanya kerana tidak mengaitkan pengetahuan denganNya." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Ibnu Hibbaan dan lain-lain).

Akibatnya, Allah s.w.t. telah memerintahkannya agar mencari orang yang lebih alim daripadanya dengan menempuh perjalanan yang jauh dan melalui ujian-ujian yang mencabar ilmunya.

(iii) Kisah Nabi Yunus a.s. yang teguran Allah terhadapnya dirakamkan di dalam al-Qur'an menerusi firmanNya:

وَذَا النُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغْضِبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾

Bermaksud: Dan (sebutkanlah peristiwa) Dzun Nun (Yunus), ketika dia pergi (meninggalkan kaumnya) dalam keadaan marah, lalu dia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka dia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (al-Anbiyaa':87).

Akibatnya beliau telah meringkuk di dalam kegelapan perut seekor ikan dalam satu tempoh yang agak lama setelah dicampak ke dalam laut. Dan kesalahan Nabi Yunus inilah yang telah menyebabkan umat Baginda a.s. dikecualikan daripada ditimpa malapetaka dan azab atas pengingkaran mereka terhadap seorang Nabi utusan Allah. FirmanNya:

فَلَوْلَا كَانَتْ قَرْيَةٌ ءَامَنَتْ فَنَنْفَعَهَا إِيْمَانُهَا إِلَّا قَوْمَ يُونُسَ لَمَّا ءَامَنُوا كَشَفْنَا عَنْهُمْ ءَذَابَ الْحِزْيِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَتَّعْنَاهُمْ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٩٨﴾

Bermaksud: Dan mengapa tidak ada (penduduk) suatu kota yang beriman, lalu imannya itu bermanfaat kepadanya selain kaum Yunus? Tatkala mereka (kaum Yunus itu) beriman, Kami hilangkan dari mereka azab yang menghinakan dalam kehidupan dunia, dan Kami beri kesenangan kepada mereka sampai kepada waktu yang tertentu. (Yunus:98).

(iv) Kisah Nabi s.a.w. sendiri yang tidak memberikan layanan kepada pertanyaan 'Abdullah Ibnu Ummi Maktum kerana lebih menumpukan perhatian kepada orang-orang kenamaan yang kelihatan berminat untuk mendengar ucapan-ucapan dakwah Baginda. Perbuatan Baginda tersebut mendapat teguran Allah menerusi firmanNya:

---

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۖ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۚ

Bermaksud: Dia (Muhammad) bermasam muka dan berpaling, (1) kerana didatangi orang buta. (2) ('Abasa:1-2).

(4) Maksud perkataan *dzanb* di sini ialah perasaan serba salah para nabi yang terpaksa menjalani kehidupan seperti manusia biasa yang lain dalam memenuhi tuntutan keperluan fitrah manusia seperti mendirikan rumah tangga, bergurau senda dengan anak-cucu, terlibat dengan kesenangan dunia seperti memakan makanan yang lazat, mengenakan pakaian yang cantik dan sebagainya. Mereka terpaksa melakukan perkara-perkara demikian untuk menunjukkan kepada umat mereka bahawa Syari'at yang dibawa adalah bersesuaian dengan fitrah manusia, sedangkan mereka adalah orang-orang yang rapat hubungannya dengan Allah dan merasakan setiap gerak geri mereka sedang diperhatikan Allah, lebih-lebih lagi mereka sendiri telah mengetahui dan diperlihatkan kemewahan-kemewahan kehidupan sebenar di akhirat kelak.

(5) Pengampunan *dzanb* yang tersebut di dalam hadits dan firman Allah di atas sebenarnya adalah untuk menenangkan perasaan Nabi s.a.w. melalui *Khithab Tasyrif* atau *Khithab Takrim* yang menyatakan Baginda telah mempunyai kedudukan atau maqam yang tertinggi dan tidak perlu lagi dirisaukan di Akhirat kelak, di mana setiap orang pada ketika itu amat memerlukan syafa'at 'Uzma. Kerana walaupun para nabi yang lain juga *ma'shum*, tetapi setiap mereka tetap berasa bersalah dan bimbang dengan nasib-nasib mereka di Akhirat kelak. Keadaan ini digambarkan oleh hadits yang menceritakan tentang peristiwa di Padang Mahsyar, apabila para nabi diminta memberikan syafa'at. Masing-masing daripada mereka enggan memberinya, sebaliknya mengatakan bahawa pada hari itu mereka juga harus menanggung bebanan sendiri. Namun apabila orang-orang yang mencari syafa'at tadi sampai kepada Nabi s.a.w., Baginda terus memberikan syafa'at tanpa menyatakan kerunsingan terhadap diri sendiri untuk menghadapi hitungan amalan di hari tersebut. Ini adalah kerana Baginda s.a.w. sudah pun diisytiharkan bebas daripada memikul apa-apa tanggungan menerusi ayat pengampunan tersebut.

(6) Maksud *dzanb* di dalam hadits dan ayat di atas sebenarnya adalah kesilapan-kesilapan ijtihad Baginda s.a.w. Sedangkan bagi orang-orang yang lain, kesilapan ijtihad bukanlah merupakan satu dosa, bahkan seseorang Mujtahid itu akan meraih satu pahala jika ternyata ijtihadnya salah. Sebaliknya dia akan mendapat dua pahala jika ijtihadnya betul. Walau bagaimanapun sebagai seorang nabi, Baginda tidak berasa tenang jika terbukti mana-mana ijtihad tersalah. Maka untuk menghilangkan perasaan bersalah itulah Allah menurunkan ayat pengampunan berkenaan.

(7) Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Maulana Syabbir Ahmad 'Utsmani, ayat ini sebenarnya menunjukkan kema'shuman Nabi s.a.w daripada melakukan sebarang dosa. Kerana perkataan *ghafara* juga bermaksud menutup. Dalam erti kata yang lain, ayat berkenaan menegaskan bahawa Allah s.w.t. menutup atau melindungi Baginda daripada perbuatan dosa, sama ada yang terdahulu atau yang terkemudian, bukannya dengan membiarkan Baginda melakukan sesuatu dosa lalu mengampunkannya selepas itu. Pendapat ini dikuatkan lagi oleh kenyataan Allah tentang Nabi Yusuf di dalam al-Qur'an, di mana Allah berfirman:

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهٖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا اَنْ رَّآهُ رَبُّهٖنَّ رَبِّهٖۙ كَذٰلِكَ لِتَصْرِفَ عَنْهٗ السُّوٓءَ وَالْفَحْشَآءَ اِنَّهٗۙ مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِيْنَ ۝۱۰۰